

Kereta antik RM171,000 tumpuan konvoi merdeka

Kenderaan sama bawa Tunku 5 dekad lalu dinaiki PM di Melaka esok



Malaysiaku Gemilang

Oleh Misiah Taib

MELAKA: Tarikh 20 Februari 1956 adalah detik bersejarah bagi negara kerana pada hari itulah pengisytiharan kemerdekaan negara dilakukan Perdana Menteri pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman.

Esok, 17 Ogos 2007, nostalgia 51 tahun lalu itu akan diimbau semula di lokasi sama, kali ini sempena sambutan kemerdekaan ke-50.

Menariknya, peristiwa Almarhum Tunku pulang dari London 51 tahun lalu, dengan pesawat dinaikinya mendarat di Lapangan Terbang Batu Berendam dan berarak sehingga ke Padang Pahlawan (kini Dataran Pahlawan) akan dilakonkan semula dengan perarakan menaiki 'kereta merdeka' yang pernah dinaiki Tunku pada tarikh bersejarah itu.

Kereta model Nash Rambler Custom Convertible 1951 dengan nombor pendaftaran M4442, nombor plat sama yang pernah dinaiki Tunku dibeli dengan harga RM171,000 sudah tiba dari Ohio, Amerika Syarikat, kelmarin dan akan membawa rombongan misi ulang tahun kemerdekaan ke-50 diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, malam esok.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata persiapan rapi sudah dibuat bagi memastikan kelancaran majlis berkenaan sempena perasmian Kempen Kibar Jalur Gemilang Perayaan Kemerdekaan ke-50 di Dataran Pahlawan oleh Perdana Menteri malam esok.

Katanya, apa yang berlaku malam esok akan tercatat sebagai satu lagi sejarah penting negara, apabila Perdana Menteri menandatangani watak perisytiharan kemerdekaan negara ke-50 dan perhimpunan di Dataran Pahlawan itu dijangka disertai 100,000 orang dari seluruh negara.

"Perdana Menteri akan mengetahui konvoi merdeka ke-50 dengan menaiki kereta klasik sama yang pernah dinaiki Allahyarham Tunku, bermula dari Hotel Renaissance dan berakhir di Dataran Pahlawan.

"Konvoi merdeka itu akan diiringi tujuh penunggang motosikal klasik dan 50 ahli pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) dari Umno, MCA dan MIC yang akan berpakaian serba putih, pakaian serupa yang pernah dipakai 51 tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, anugerah juga akan disampaikan kepada 50 pejuang veteran, selain pelbagai acara termasuk persembahan lagu patriotik, persembahan tarian, tayangan filem kepulangan Tunku dari London pada 1956 serta filem klasik *Sarjan Hassan*.

Katanya, pemilihan Melaka sebagai tuan rumah pelancaran kemerdekaan negara ke-50 dan kempen kibar Jalur Gemilang sesuai sumbangan Melaka dalam sejarah tanah air.

Mohd Ali berkata, lebih 2,000 veteran Umno dari seluruh negara juga akan diraikan sempena sambutan berkenaan sebagai mengingati peranan penting yang mereka mainkan dalam memperjuangkan kemerdekaan negara.

FAKTA NOMBOR


Perhimpunan
di Dataran Pahlawan

100,000

Hadirin

2,000

Veteran Umno dirai



SAMBUT MERDEKA: Menara TM di Jalan Pantai Baharu menayangkan slaid terbesar yang memaparkan imej lima Perdana Menteri sempena sambutan kemerdekaan ke-50. Skrin gergasi itu boleh dilihat pada waktu malam bermula semalam hingga 14 September.